

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]
TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 34

Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pasaran asing Bursa Malaysia telah kehilangan RM200 bilion semenjak selepas PRU ke-15. Maklumkan sebabnya dan langkah pihak Kerajaan untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indeks penanda aras FBMKLCI kekal berdaya tahan meskipun pasaran kewangan global berada dalam keadaan tidak menentu. Sehingga 8 Julai 2019, FBMKLCI mencatat pengurangan secara marginal sebanyak 0.8%. Keadaan ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah dan penurunan dalam keuntungan korporat pada suku pertama tahun 2019.

2. Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancangan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam jangka masa panjang, prestasi bursa saham secara keseluruhannya akan didorong oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.